

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Selasa, 5 April 2016

M/S : 25

DALAM NEGERI 25



KHAIRIL AWANG (tiga dari kiri) bersama Aminudin Adam (kanan) melekatkan simbul 1Malaysia sambil diperhatikan oleh Maizan Ismail (kiri) dan Teoh Boon Hai sempena pelancaran Kem Membaca 1Malaysia 2016 di SMK Sultanah Engku Tun Aminah di Johor Bahru, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Program Nilam mampu tingkat minat membaca

JOHOR BAHRU 4 April - Kementerian Pendidikan akan terus menambah baik program Nadi Ilmu Amanan Mulia (Nilam) bagi memastikan matlamat untuk meningkatkan minat membaca dan pencapaian akademik pelajar tercapai.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Datuk Seri Khairil Awang berkata, antara yang akan dilakukan adalah menambah bilangan buku-buku ilmiah dan bersifat analitikal di sekolah-sekolah.

"Kita bukan sahaja menyasarkan pertambahan bilangan buku, tetapi menyasarkan pembacaan berkualiti daripada segi fiksyen, intelektual dan ilmiah iaitu aras pembacaan aras tinggi."

"Perpustakaan sekolah juga akan ditambah sebagai sumber

ilmu termasuk penyediaan akses internet dan arkib seperti perpustakaan awam di luar sana," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah kebangsaan (SMK) Sultanah Engku Tun Aminah di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Pembangunan Teknologi Kementerian Pendidikan, Teoh Boon Hai; Ketua Penolong Pengarah Kementerian Pendidikan, Dr. Qhamariah Samu; Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Maizan Ismail dan Pengarah Pendidikan negeri, Aminudin Adam.

Khairil berkata, program tersebut berjaya meningkatkan kadar pembacaan dalam kalangan murid-murid iaitu daripada 19 buku setahun sejak Nilam diperkenal-

kan lebih 10 tahun lalu kepada 25 buah buku setahun.

Terdahulu ketika berucap, beliau berkata, program Nilam yang sudah diberikan nafas baharu dan ditambah baik akan dirintis di 100 buah sekolah rendah dan menengah di Selangor dalam tahun ini sebelum diperluaskan ke negeri lain.

"Penambahbaikan program Nilam memberi tumpuan kepada kualiti bacaan dengan memberi keutamaan kepada bahan bacaan bukan fiksyen dan aktiviti penggayaan selepas membaca."

"Ini seiring dengan perkembangan dan pendekatan corak pembelajaran sekarang yang terarah kepada pembelajaran abad ke-21 yang berfokuskan pembinaan kemahiran berfikir aras tinggi dan kreatif," ujarnya.